

Tuisyen, peralatan sekolah percuma

KOSMO 27/01/07 Pg 4

Oleh HISHAM IDRIS
hisham@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU - Majlis Perwakilan Pelajar, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Kustem) mengambil inisiatif membantu tiga beradik yang dibuang sekolah kerana kemiskinan.

Yang Dipertuaanya, Mohd. Hakimie Zainal Abidin berkata, ketiga-tiga mereka iaitu Mohd. Alhadi dan kembarnya, Mohd. Alhafiz, 17, dan Mohd. Alnasuha Mohd. Afendi, 15, akan diberi tuisyen secara percuma.

Katanya, usaha yang dilakukan itu ialah untuk membantu akademik pelajar terbabit yang tercincir sebelum ini.

"Mereka sudah lama tidak ke sekolah. Oleh itu kami akan memberikan tuisyen supaya mata pelajaran yang tercincir dapat dipulihkan kembali," katanya ketika mewawancara pelajar terbabit semalam.

KOSMO! semalam melaporkan ketiga beradik tersebut kembali ke alam persekolahan kelmarin selepas dibuang akibat tidak hadir lebih dari 60 hari sebelum ini.

Mereka terpaksa berbuat demikian akibat ingin membantu keluarga yang dilanda kesemitan hidup.

Mohd Hakimie berkata, setiap minggu pihaknya akan mengambil ketiga beradik itu untuk mengulangkaji pelajaran di Kustem.



MOHD. HAKIMIE (kanan) menyampaikan bantuan kepada Mohd Alhafiz (dua dari kiri) di Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot, Kuala Terengganu semalam.

"Kita merancang akan memberikan tuisyen sebanyak tiga kali seminggu," ujarnya.

Ditanya mengenai subjek yang bakal diajar, beliau menjelaskan, pihaknya akan mem-

beri tumpuan kepada subjek kritikal seperti Matematik dan bahasa Inggeris.

"Kita juga akan melihat prestasi ketiga-tiga pelajar itu termasuk melihat subjek yang me-

reka paling lemah," jelasnya.

Katanya, pihaknya juga akan memberi bantuan kelengkapan persekolahan termasuk buku-buku latihan serta pakaian persekolahan.